



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Faks : 09-748 2554
Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNKN.500-3/3/2 (42)
Tarikh : 26 Februari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

TEMPOH PELAKSANAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) SECARA *TASK FORCE*

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia Ruj. KPM.500-4/3/17 Jld2 (89) bertarikh 24 Februari 2023 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, pemusatan perkhidmatan teknikal ICT telahpun dilaksanakan selaras Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT di JPN dan PPD secara *Task Force* bertarikh 23 Februari 2022. *Task force* pemusatan ini dilaksanakan menggunakan perjawatan Juruteknik Komputer FT19/FT22/FT26 di sekolah-sekolah seluruh negara mulai **1 Mac 2022 selama setahun atau sehingga permohonan pindah butiran waran perjawatan diluluskan oleh agensi pusat.**

3. Dalam tempoh tersebut, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) perlu membuat pindah butiran perjawatan berkaitan ke JPN bagi memastikan pengurusan perkhidmatan ICT di sekolah-sekolah dapat dibuat dengan lebih cekap dan sistematik.

4. Justeru, sementara menunggu proses pindah butiran tersebut dimuktamadkan di peringkat Agensi Pusat, **pelaksanaan *task force* pemusatan perkhidmatan teknikal ICT di JPN dan PPD akan diteruskan sehingga urusan pindah butiran waran perjawatan JTK FT19/FT22/FT26 dari sekolah ke JPN selesai sepenuhnya.** Perkhidmatan ICT akan terus diberikan kepada semua sekolah seluruh negara.

5. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjelaskan perkara tersebut untuk tindakan dan perhatian tuan. Kerjasama tuan adalah dimohon untuk memanjangkan kepada pegawai yang terlibat dalam pemusatan perkhidmatan teknikal ICT ini.


Perhatian dan kerjasama pihak tuan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(**MADIAH BINTI HAJI RAMLI**)

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Sektor Sumber Manusia

b.p. Pengarah Pendidikan Kelantan

s.k.:

Sektor Pengurusan Maklumat

Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan

SENARAI EDARAN

1. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Bachok
2. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang
3. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Jeli
4. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu
5. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Krai
6. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Machang
7. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas
8. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh
9. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat
10. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah